

Bidang kuasa institusi kerajaan berasingan

BH 11 JUN 2001

Oleh Kadir Dikoh

SUBANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ketiga-tiga cabang kerajaan - eksekutif, perundangan dan kehakiman - tidak perlu mencampuri urusan antara satu sama lain kerana dikhuatiri ia boleh mengukar-kacirkan pentadbiran negara.

Perdana Menteri berkata, bidang kuasa ketiga-tiga institusi itu akan bertindih, jika mana-mana pihak cuba melangkah bidang kuasa orang lain.

"Kita tahu di Malaysia ini kita bahagikan pemerintahan kepada tiga iaitu pihak yang membuat undang-undang (perundangan), pihak yang menadbir dan menguatkuasakan undang-undang (eksekutif) dan pihak yang

Institusi eksekutif, perundangan dan kehakiman tidak perlu mencampuri urusan satu sama lain kerana dikhuatiri ia boleh mengukar-kacirkan pentadbiran negara

ripada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selepas mendapati penahanan mereka tidak sah.

Mohamed Hishamudin dilaporkan berkata, sudah tiba masanya Parlimen menimbang sama ada ISA yang pada peringkat awalnya bertujuan menanganikan keganasan komunis pada awal kemerdekaan, sesuai dengan keadaan sekarang.

Jumaat lalu, Hakim Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu Datuk Muhammad Kamil Awang, pula dilaporkan berkata, bahawa beliau menerima arahan menerusi telefon supaya

ngat sensitif. Hakim sangat bimbang mengenai kebebasan mereka sehingga kadang-kadang, mereka melangkah batasan-batasan tertentu," katanya.

Mengenai kemungkinan ulasan pihak kehakiman sejak kebelakangan boleh dianggap sebagai satu usaha mencampuri urusan pihak eksekutif dan perundangan, Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak bercakap apa-apa...saya cuma memberi penjelasan mengenai sistem yang ada di negara ini."

Bagaimanapun, kata-

menjadi pengadil mengenai undang-undang (kehakiman).

"Jadi kita sudah bahu-tugasi tugas ini sebagai satu cara 'check and balance'. Kalau orang yang menggubal undang-undang nak jadi hakim, susahlah. Ataupun kalau pentadbir nak jadi penggubal (undang-undang) pun susah.

"Kalau hakim nak jadi penggubal undang-undang pun susah. Kalau jadi macam tu, ada pertindihan dalam bidang kuasa masing-masing...saya kluatir pentadbiran negara akan jadi kucar-kacir," katanya kepada pemberita di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, sekembalinya dari lawatan empat hari ke Jepun.

Dr Mahathir diminta mengulas dua kes dalam tempoh 10 hari apabila hakim membuat kenyataan pada akhir penghakimannya baru-baru ini.

Pada 30 Mei lalu, Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Datuk Mohamed Hishamudin Mohamed Yunus membebaskan dua aktivis reformasi da-

petisyen bagi mengisytiharkan pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas, di Sabah, sebagai tidak sah, ditolak tanpa perbicaraan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, beliau tidak faham apa yang dimaksudkan Muhammad Kamil itu.

"Sudah tentu, bukan saya yang memberi arahan. Saya tidak tahu, mungkin orang lain yang bagi arahan. Mungkin orang tertentu di kalangan tertentu boleh beri arahan....saya tak tahu," katanya.

Ditanya sama ada dawaan itu perlu disiasat, beliau berkata, ia agak sukar kerana dikhuatiri pihak eksekutif pula didakwa cuba campur tangan dalam urusan kehakiman.

"Saya tak tahu (perlu disiasat atau tidak). Kita dengan hakim ini susah sikit. Kalau kita pi dok kacau dengan dia orang, dia kata kita campur tangan dengan (institusi) kehakiman.

"Jadi, ia sangat sukar untuk kita....benda ini sa-

nya, jika dikira sejak dari dulu lagi, bukan setakat dua kes saja hakim membuat keputusan yang tidak memihak kepada kerajaan, malah Umno pun pernah diharamkan (pada 1987).

Ditanya sama ada kejadian terbaru itu menunjukkan memang wujud kebebasan institusi kehakiman di negara ini, beliau berkata, pihaknya memang menyokong ke arah itu.

"Kebebasan kita suka...tetapi tidaklah sehingga mengambil alih tugas orang lain. Itu bukan kebebasan. Kalau kebebasan bermakna menentang kerajaan, itupun bukan kebebasan...itu memihak kepada parti lawan.

"Saya dengar kadang-kadang dalam mahkamah, parti lawan boleh menjerit, tak ada siapa tegur pun. Biasanya jenis macam ini menghina mahkamah. Jadi saya tahu...parti lawan pun boleh buat apa-apa dalam mahkamah, sesetengah mahkamahlah, bukan semua. Kalau kerajaan, tak boleh silap sikit," katanya.